



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



# BULETIN SUKARELAWAN YES! POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

EDISI KE- 3 2021



KOD JALUR / BARCODE

eISSN 2716-6287



9 772716 628007



# KATA-KATA ALUAN PENGARAH POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH



Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Saya terlebih dahulu ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat izin, limpah kurnia dan makbul-Nya Buletin Sukarelawan YES! PSAS 2021 ini dapat diterbitkan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Penerbitan Buletin Sukarelawan YES! PSAS 2021 atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan proses penerbitan buletin ini berjalan dengan lancar. Buletin ini merupakan salah satu wadah penulisan ilmiah yang mengumpulkan laporan aktiviti sukarelawan YES! sepanjang tahun 2021. Tahun 2021 merupakan satu cabaran dalam perlaksanaan aktiviti pelajar kerana kekangan wabak COVID-19, namun para pelajar perlu tabah dalam membudayakan norma baharu dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sebagai Pengarah di Politeknik Sultan Azlan Shah saya berharap agar pencapaian-pencapaian yang diraih melalui aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun akan menjadi pembakar semangat kepada seluruh warga PSAS untuk terus berusaha dan mengorak langkah dalam mencipta kejayaan-kejayaan lain pada masa akan datang. Semoga PSAS akan terus melakar kejayaan cemerlang dan gemilang pada masa akan datang. Insya-Allah.

Muhammad Zubir Bin Mohd. Hanifah  
Pengarah Politeknik Sultan Azlan Shah

# KATA-KATA ALUAN KETUA JABATAN HAL EHWAL PELAJAR



Dengan kalam Bismillahirrahmanirrahim...

Assalamualaikum dan salam sejahtera...

Bersyukur kita ke hadrat ilahi dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita saksikan sebuah penerbitan Buletin yang menjadi rujukan buat warga PSAS dalam melaksanakan program Outreach dan kerja-kerja kemasyarakatan, iaitu Buletin YES 2021 PSAS kali pertama. Sekalung penghargaan, penghormatan dan tahniah diberikan kepada Ketua Unit Sukarelawan YES PSAS dan jawatankuasa penulisan Buletin ini atas usaha dan penat lelah tanpa mengenal erti jemu dalam menyiapkan wadah yang cukup bermakna bagi seluruh warga PSAS. Buletin YES 2021 PSAS ini turut menjadi medium bagi warga dan pelajar untuk mengasah bakat mereka selain dari menjadi rujukan bagi setiap warga yang akan melaksanakan program kemasyarakatan baik di dalam maupun di luar PSAS. Di buletin ini tersimpan aktiviti-aktiviti Outreach yang dilaksanakan sepanjang tahun 2021 dan pastinya akan menjadi tatapan kenangan bagi mereka yang bersusah payah menjayakan program yang dirancang itu.


Penghasilan Buletin YES PSAS 2021 ini bukan sahaja merekodkan kenangan semasa pelaksanaan program, tetapi juga merakamkan kecemerlangan unit CSR YES khususnya dan PSAS secara keseluruhannya dalam memberi khidmat bakti kepada komuniti baik dalaman maupun luaran. Terdapat 7 kluster yang terkandung dalam YES Politeknik seperti Pemindahan Teknologi Dan Perkongsian Ilmu, Pembangunan Kelestarian Alam, Operasi Khidmat Masyarakat, Pembangunan Keusahawanan, Pembangunan Pendidikan, Pembangunan Kesihatan Dan Pembangunan Kerohanian di pamerkan di dalam Buletin ini bagi menunjukkan hasrat murni yang diimpikan oleh kementerian dapat dilaksanakan dengan baik diperingkat PSAS.

Semoga dengan penghasilan buletin ini, semua kenangan dan memori indah bersama Team YES! PSAS dapat dipotretkan untuk tatapan pada masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

MOHD SYAHNAN BIN MD ZAIN  
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar

# CARTA ORGANISASI SUKARELAWAN YES! 2021



**SIDANG REDAKSI  
BULETIN SUKARELAWAN YES! 2021  
POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH**

**KETUA EDITOR  
MUHAMAD ADHA BIN SHAM DIN @  
SHAMSUDDIN**

**PENOLONG KETUA EDITOR  
NORHASLIZA ABDULLAH**

# KANDUNGAN

BIL	TAJUK
1	PROJEK CSR SUMBANGAN MAKANAN PELAJAR KUARANTIN DI KAMSIS, PSAS
2	CSR KEBERSIHAN, KECERIAAN DAN KESELAMATAN DI KANTIN DAN KAFETARIA PSAS
3	MISI BANTUAN UNTUK PROSES PENYURAIAN (MASUK/KELUAR) MURID SMK BANDAR BEHRANG 2020
4	PROGRAM OUTREACH PERKONGSIAN ILMU : EXCEL FOR BEGINNER
5	PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (OUTREACH) PROGRAM PEMASANGAN LAMPU SOLAR
6	CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) PERKONGSIAN ILMU : OBS STUDIO
7	PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (OUTREACH) PROGRAM OUTREACH PENGGUNAAN 'GOOGLE FORM' DALAM PDPR DI SEK. MEN. KEB. KHAI MUN, BENTONG PAHANG.
8	PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (OUTREACH) PERKONGSIAN ILMU : ASAS ANTARA MUKA PERISIAN MAKECODE-MICRO: BIT
9	MISI BANTUAN BANJIR SEKITAR SHAH ALAM



1

12 FEBRUARI 2021

# PROJEK CSR SUMBANGAN MAKANAN PELAJAR KUARANTIN DI KAMHSIS, PSAS

Muhamad Adha Bin Shamdin @ Shamsuddin  
Jabatan Matematik, Sains dan Komputer  
[m.adha@psas.edu.my](mailto:m.adha@psas.edu.my)

## **PENGISIAN PROGRAM :**

Program CSR Sumbangan Makanan Pelajar Kuarantin Di Kamsis, PSAS di jalankan berikut bagi membantu pelajar di Kamsis, PSAS. Program ini mampu membantu seramai 180 orang pelajar yang berada di kamsis. Sumbangan akan diberikan berupa set makanan malam dan makan tambahan seperti biskut, roti, air kotak dan buah limau kepada 180 orang pelajar. Sumbangan ini diperoleh dari sebuah NGO Pertubuhan Kebajikan Rakan Prihatin Muallim, Perak (RPM) dengan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, PSAS. Sukarelawan YES! PSAS akan membantu dalam pengedaran makanan secara take away supaya pengagihan akan berjalan dengan lancar. Sumbangan makanan ini turut disertai oleh badan NGO iaitu Rakan Prihatin Muallim

## **OBJEKTIF**

Program ini dianjurkan bagi mencapai objektif berikut:

- i. Memupuk sikap kepimpinan dikalangan pelajar diam melaksanakan program bersama pihak luar.
- ii. Memupuk sifat prihatin terhadap keperluan sesama insan serta mewujudkan sifat cakna terhadap kebajikan pelajar.
- iii. Membantu pelajar-pelajar di kamsis mendapatkan keperluan makanan semasa tempoh kuarantin dilaksanakan.

## **KESIMPULAN**

- i. Secara keseluruhannya melalui aspek kemahiran insaniah yang diterap dalam program ini membolehkan pelajar memahami cara kerja berpasukan,kemahiran berkomunikasi antara ajk dan badan NGO, kemahiran mengurus maklumat,kemahiran kepimpinan dan kemahiran kritis.Ini dapat dilihat melalui maklumbalas penilaian keberkesanannya program yang rata rata memberi skor baik dan cemerlang.
- ii. Program ini juga dapat melatih pelajar berani memikul tanggungjawab yang diberi bagi memastikan kelancaran program.
- iii. Melalui program ini juga pelajar dapat membudayakan amalan sihat dalam diri supaya menjaga SOP bagi mengelak penularan COVID -19.

## **SUMBER KEWANGAN**

Peruntukan menggunakan peruntukan Tabung Amanah Pelajar (TAP), HEP dan Tajaan NGO Pertubuhan Kebajikan Rakan Prihatin Muallim, Perak (RPM) dengan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.



Sukarelawan YES! PSAS Bersama staf JKM sedang membungkus persegeran dan makanan kering



Laluan masuk pelajar untuk mengambil sumbangan



Laluan keluar selepas mengambil sumbangan



Pelajar perlu scan My Sejahtera dan periksa suhu badan sebelum masuk.

A photograph showing a woman wearing a light blue hijab and dark clothing, bending over to clean a tiled floor with a yellow cloth. Next to her, a black dog wearing a blue safety vest is also working on the floor. The background shows more of the tiled floor and some furniture.

2

18 FEBRUARI 2021

# CSR KEBERSIHAN, KECERIAAN DAN KESELAMATAN DI KANTIN DAN KAFETARIA PSAS

Siti Noor Binti Othman  
Jabatan Matematik, Sains dan Komputer  
[siti\\_noor@psas.edu.my](mailto:siti_noor@psas.edu.my)

## **PENGISIAN PROGRAM :**

Program CSR Kebersihan, Keceriaan & Keselamatan di Kantin dan Kafetaria dilaksanakan sebagai persediaan untuk menerima kehadiran pelajar bagi sesi Disember 2020 di PSAS atas dasar rasa tanggungjawab dan sebagai tanda sokongan staf PSAS kepada negara dalam menangani penularan wabak COVID-19. Program ini juga akan menyemarakkan aktiviti kreatif, inovasi dan mewujudkan persekitaran hijau melalui pembudayaan amalan lestari di dalam kampus.

Di samping itu, program ini juga akan menjadikan persekitaran kantin dan kafetaria yang kondusif dalam keberkesanan penyampaian pengajaran dan pembelajaran serta keberhasilan hasil pembelajaran setiap program pengajian yang ditawarkan di PSAS. Selain itu juga gotong royong ini serba sedikit dapat membantu PSAS dalam menempuh audit-audit di PSAS dalam memastikan kemudahan prasarana dan persekitaran sentiasa di tahap yang baik.

Bermula jam 8.30 pagi, aktiviti dimulakan dengan taklimat oleh pengarah program. Seterusnya, AJK program iaitu terdiri daripada 22 staf bersama 7 orang pelajar dan 4 orang pekerja pembersihan mula menjalankan aktiviti gotong royong dengan menyusun atur kerusi dan meja mengikut SOP yang ditetapkan. Selain itu, AJK melaksanakan aktiviti kerja menampal tagging di lantai berjarak 1 meter dan memasang laluan keluar masuk menggunakan pita keselamatan. Aktiviti kerja pembersihan seperti membersihkan meja dan lantai turut dijalankan oleh AJK. Poster, banner dan bunting berkaitan SOP juga ditampal dan digantung di sekitar kawasan. Kerja-kerja gotong royong di kafeteria berhenti rehat pada jam 12.30 tengahari. Seterusnya, pada jam 2.30 petang, aktiviti yang sama diteruskan di kantin PSAS. Taklimat flow laluan pelajar juga diberikan kepada pegawai keselamatan dan staf yang terlibat bagi memastikan pelajar mematuhi segala SOP sepanjang berurus di kantin dan juga kafetaria. Aktiviti gotong-royong telah tamat pada jam 4.30 petang.

## **OBJEKTIF**

Program ini dianjurkan bagi mencapai objektif berikut :

- i. Membantu pihak-pihak berkaitan mengambil langkah pencegahan penularan di kantin dan kafetaria.
- ii. Mengurangkan risiko penularan wabak Covid-19 di kantin dan kafetaria.
- iii. Memupuk semangat dan kecintaan kepada institusi dalam kalangan warga PSAS.
- iv. Memupuk semangat kerjasama dan mengeratkan silaturrahim di antara warga PSAS dengan masyarakat sekitar.

## **KESIMPULAN**

Program Corporate Social Responsibility (CSR) Kebersihan, Keceriaan dan Keselamatan di Kantin dan Kafetaria PSAS telah dilaksanakan dengan jayanya walaupun terdapat halangan disebabkan wabak COVID-19 yang melanda Malaysia dan seluruh dunia. Namun begitu program yang dijalankan masih mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak MKN.

Semoga program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang bagi membantu dalam membanteras penularan COVID-19 di Politeknik Sultan Azlan Shah demi kelangsungan proses pengajaran dan pembelajaran terus berjalan lancar. Selain itu, program ini juga dapat menjalin hubungan yang baik antara AJK, pelajar dan semua pihak yang terlibat.

## **SUMBER KEWANGAN**

Peruntukan menggunakan tajaan



Aktiviti  
membersihan  
kafetaria sebelum  
kemasukkan pelajar  
baru



AJK Program  
berganding bahu  
melaksanakan  
gotong –royong di  
kafetaria



Pelajar sedang  
mengantung  
'banner' di  
Kafetaria



Aktiviti pemasangan  
pita keselamatan di  
laluan masuk dan  
keluar pelajar/staf di  
kantin



Aktiviti gotong-  
royong selesai di  
kafetaria PSAS



Aktiviti gotong-  
royong selesai di  
kantin PSAS



3

5 APRIL 2021

# MISI BANTUAN UNTUK PROSES PENYURAIAN (MASUK/KELUAR) MURID **SMK BANDAR BEHRANG 2020**

Muhamad Adha Bin Shamdin @ Shamsuddin  
Jabatan Matematik, Sains dan Komputer  
[m.adha@psas.edu.my](mailto:m.adha@psas.edu.my)

## **PENGISIAN PROGRAM :**

Program ini telah disertai seramai 12 orang pelajar yang terdiri dari beberapa pasukan unit beruniform iaitu RELASIS, PISPA dan Pengakap Kelana . Beberapa tugas telah diagihkan pelajar bagi memastikan proses penyuraian berjalan lancar mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh MKN. Proses penyuraian dibahagi kepada dua iaitu semasa pelajar masuk sekolah dan semasa pelajar keluar sekolah

## **OBJEKTIF**

Program ini dianjurkan bagi mencapai objektif berikut :

- i. Menyemai nilai murni dalam pembabitan aktiviti outreach bersama komuniti luar.
- ii. Mengasah sifat kepimpinan dalam mengendalikan sesbuah program.
- iii. Memupuk semangat kerjasama sesama pelajar.
- iv. Meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai usaha membudaya amalan sihat bagi membendung jangkitan COVID -19.

## **KESIMPULAN**

- i. Secara keseluruhannya melalui aspek kemahiran insaniah yang diterap dalam program ini membolehkan pelajar memahami cara kerja berpasukan,kemahiran berkomunikasi antara ajk dan masyarakat luar, kemahiran mengurus maklumat,kemahiran kepimpinan dan kemahiran kritis.Ini dapat dilihat melalui maklum balas penilaian keberkesanan program yang rata rata memberi skor baik dan cemerlang.
- ii. Program ini juga dapat melatih pelajar berani memikul tanggungjawab yang diberi bagi memastikan kelancaran program.
- iii. Melalui program ini juga pelajar dapat membudayakan amalan sihat dalam diri supaya menjaga SOP bagi mengelak penularan COVID -19

## **SUMBER KEWANGAN**

Peruntukan menggunakan peruntukan Tabung Amanah Pelajar (TAP), HEP.



Pelajar PISPA Bersama pegawai PPD daerah Batang Padang sedang menjaga murid supaya beratur dalam penjarakan yang sesuai



Pelajar PISPA sedang memastikan murid masuk ke sekolah memakai pelitup muka.



Pelajar RELASIS sedang menjaga penjarakan pelajar.



4

9 APRIL 2021

# PROGRAM OUTREACH PERKONGSIAN ILMU : EXCEL FOR BEGINNER

Ifaniza Binti Ibrahim  
Jabatan Kejuruteraan Elektrik  
Ifaniza@psas.edu.my

## **PENGISIAN PROGRAM :**

Program Outreach Perkongsian Ilmu Asas Excel ini adalah satu program Kerjasama antara Pensyarah Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Politeknik Sultan Azlan Shah dan guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari, Tanjong Malim beserta pelajar unit beruniform pengakap Politeknik Sultan Azlan Shah. Aplikasi Microsoft Excel ini memiliki fitur kalkulasi dan pembuatan grafik dengan menggunakan strategi marketing Microsoft yang agresif, menjadikan Microsoft Excel sebagai salah satu program komputer yang popular digunakan di dalam komputer mikro sehingga saat ini.

Melalui program ini, pengetahuan asas berkaitan dengan Microsoft Excel dapat diberikan kepada para peserta program dan dapat disampikan kepada peserta seterusnya terutamanya pengguna excel. Selain itu, dijangkakan program ini dapat memberikan impak yang baik terutamanya dalam penambahan nilai berkaitan ilmu yang disampaikan.

## **OBJEKTIF**

Program ini dianjurkan bagi mencapai objektif berikut :

- i. Memperkenalkan dan menyebarluaskan Centre of Technology (CoT) STEM JMSK kepada komuniti setempat/luar.
- ii. Memberi pendedahan awal mengenai Microsoft Excel.

## **KESIMPULAN**

Program Outreach Perkongsian Ilmu Excel for Beginner telah pun Berjaya dijalankan dan pelbagai manfaat yang diperolehi seperti ia banyak membantu cara yang betul mengaplikasi excel. Microsoft Office Excel bukan sahaja memudahkan kerja yang melibatkan data malahan juga boleh menjadikan kerja-kerja menganalisis menjadi lebih cepat dan tepat. Program seperti ini diharapkan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang dan diharap juga, peserta-peserta program perkongsian ilmu yang pertama ini dapat berkongsi pula ilmu yang diperolehi kepada rakan-rakan dan orang-orang yang berkeperluan seperti rakan-rakan guru dan pelajar.

## **SUMBER KEWANGAN**

Tiada peruntukan yang digunakan.



Program juga telah diserikan dengan ucapan aluan oleh Ketua Jabatan Matematik,Sains dan Komputer, Puan Nor Mazana binti Ismail.

BIL	NOMBOR PENDIDIKAN	NAMA PELAJAR	DBM10013	DBM20023	DBM30043 (EURE)	SPARKLINE	SPARKLINE STATUS	STATUS
1	1507438P0013	Ahmad Suli Bin Samsudin	F1040	71	72	69	PASS	PASS
2	1507438P0018	Azizat Syazreen Binti Mohd Razam	F1039	66	62	64	PASSED	PASS
3	1507438P0021	Anis Bin Hossain	F1051	44	55	55	PASSED	PASS
4	1507438P0021	Azharie A/J. Murugan	F1051	56	77	72	PASSED	PASS
5	1507438P0023	Darwin Bin	F1050	48	63	45	PASSED	PASS
6	1507438P0024	Daud Bin Mohd	F1038	60	77	60	PASSED	PASS
7	1507438P0024	Daud Bin Mohd	F1038	41	66	62	PASSED	PASS
8	1507438P0025	Iqraan Hanafi Bin Ahmad	F1039	99	67	75	PASSED	PASS
9	1507438P0025	Mohamed Arif Bin Rosli	F1053	55	47	42	PASSED	PASSED
10	1507438P0025	Mohamed Bin Rizal	F1051	45	50	45	PASSED	PASSED
11	1507438P0025	Mohamed Firdaus Bin Samad	F1050	45	50	45	PASSED	PASSED
12	1507438P0025	Mohamed Arif Bin Samad	F1025	77	54	52	PASSED	PASS
13	1507438P0025	Mohammed Firdaus Bin Abdul Majid	F1029	56	65	58	PASSED	PASS
14	1507438P0024	Nur Hani Ayuara Binti Ramzah	F1024	46	56	58	PASSED	PASS
15	1507438P0024	Raja Naimah Binti Raja Shariff	F1025	70	75	70	PASSED	PASS
16	1507438P0024	Safiq Aminuddin	F1040	49	54	50	PASSED	PASS
17	1507438P0027	Siva A/J. Arvind	F1017	46	40	45	PASSED	PASSED
18	1507438P0027	Sivanesan A/J. Ravennetharan	F1029	66	36	66	PASSED	PASSED
19	1507438P0028	Suhana Binti Md Mohsin	F1069	47	51	52	PASSED	PASS
20	1507438P0028	Suhana Binti Md Mohsin	F1070	47	50	48	PASSED	PASSED
21	1507438P0028	Syedat Binti Asyraf	F1060	44	55	57	PASSED	PASS
22	1507438P0027	Zhang Bin Suhail	F1037	42	55	58	PASSED	PASS

Penceramah menerangkan bagaimana untuk memanipulasi data di dalam MS

Excel untuk memudahkan urusan data.

Sebahagian jawatankuasa program dan peserta bergambar sebagai kenangan sebelum kursus dijalankan.



5

10 APRIL 2021

# PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (OUTREACH) PROGRAM PEMASANGAN LAMPU SOLAR

Shatini binti Md Said  
Jabatan Kejuruteraan Elektrik  
[shatini\\_said@psas.edu.my](mailto:shatini_said@psas.edu.my)

## **PENGISIAN PROGRAM :**

Program Outreach Pemasangan Lampu Solar telah diadakan di Pusat Islam PSAS dan sekitar laluan pelajar di Kamsis PSAS dengan kerjasama Jabatan Kejuruteraan Elektrik PSAS dan Rakan Prihatin Muallim (RPM). Program ini dijalankan pada 10 April 2021 melibatkan 10 orang pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan 20 orang pelajar dari program DET Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Menerusi program ini, kepakaran tenaga pengajar di Politeknik Sultan Azlan Shah dalam aplikasikan penjimatan tenaga elektrik dapat direalisikan. Selain itu, program ini turut bertujuan untuk memberi keselesaan dan menambahbaik sistem pencahayaan kepada pengguna Pusat Islam dan juga pelajar yang berada di sekitar Kamsis. Seterusnya pengisian program ini dapat membudayakan elemen pembelajaran sepanjang hayat dan juga Authentic Lesson khususnya dalam bidang teknikal.

## **OBJEKTIF**

- i. Menghubungkait pembelajaran secara teori dengan situasi sebenar.
- ii. Mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari dalam perlaksanaan amali khususnya bagi kursus DET50093 (Electrical Maintenance)
- iii. Meningkatkan kesedaran dalam penjimatan tenaga elektrik

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, Program Pemasangan Lampu Solar ini telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Rakan Prihatin Muallim (RPM). Program ini dapat memberi manfaat darisegi kemahiran pemasangan kepada pelajar dan aplikasi penggunaan komuniti setempat. Di pihak pelajar khususnya pelajar di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, pelajar dapat mempelajari pemasangan lampu solar secara praktikal dengan pemantauan dari penyelia. Di samping itu, pelajar dapat memupuk nilai kerjasama dalam melatih diri bekerja secara berkumpulan. Pelajar juga dapat menimba pengalaman dalam menyelesaikan masalah dalam bidang kejuruteraan dan memupuk budaya kemasyarakatan.

## **SUMBER KEWANGAN**

Peruntukan menggunakan peruntukan OS42, HEP.



Sukarelawan sedang memasang sambungan wayar pada solar panel



Sesi pemasangan tapak lampu solar



Pemasangan lampu solar oleh sukarelawan di Pusat Islam. .



Pemasangan lampu solar di laluan pelajar kamsis dengan pemantauan pensyarah



6

9 SEPTEMBER 2021

# CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) PERKONGSIAN ILMU : OBS STUDIO

Hafiza Ibrahim  
Jabatan Matematik, Sains dan Komputer  
[hafiza\\_ibrahim@psas.edu.my](mailto:hafiza_ibrahim@psas.edu.my)

## **PENGISIAN PROGRAM :**

Program Corporate Social Responsibility (CSR) Perkongsian Ilmu: OBSStudio dimulakan dengan pengenalan tentang aplikasi OBS Studio kepada para peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah daripada 5 sekolah di kawasan daerah Bentong,Pahang. Pengenalan kepada aplikasi OBS Studio diadakan selama 30 minit oleh penceramah dari JMSK iaitu Pn Nor'Ain Binti Senin. Seterusnya diikuti dengan pembelajaran kaedah asas penggunaan OBS Studio selama 3 jam. Setelah peserta sudah memahami kaedah asas penggunaan OBS studio, peserta diuji kebolehan dan kreativiti masing-masing melalui pertandingan untuk menghasilkan video yang berunsurkan ilmiah pada sebelah petang selama 1 jam 30 minit. Penjurian dilaksanakan setelah semua peserta menghantar video masing-masing

## **OBJEKTIF**

Program ini dianjurkan bagi mencapai objektif berikut :

- i. Menyemai nilai murni dalam pembabitan aktiviti CSR bersama komuniti luar.
- ii. Mengasah sifat kepimpinan dalam mengendalikan sesebuah program.
- iii. Memupuk semangat kerjasama sesama pelajar.
- iv. Memberi pendedahan dan latihan berkenaan dengan perisian OBS Studio
- v. Membangunkan bahan PdP menggunakan perisian OBS Studio

## **KESIMPULAN**

Program Corporate Social Responsibility(CSR) Perkongsian Ilmu: OBS Studio telah dilaksanakan dengan jayanya dan mendapat pujian dari pelbagai pihak walaupun terdapat sedikit cabaran disebabkan kelajuan internet yang kadang-kadang menganggu perjalanan program. Namun begitu,berkat dedikasi dan kesabaran ahli jawatankuasa pelaksana,guru-guru dan peserta, masalah iu dapat diatasi dengan jayanya. Semoga program seperti ini dapat diteruskan lagi untuk masa yang akan datang dan daripada program ini jug a boleh meningkatkan nilai tambah kepada komuniti Daerah Bentong dalam menjalankan hubungan yang baik di antara Politeknik dan sekolah. Selain itu, peserta yang terlibat di dalam program ini dapat meningkatkan kemahiran dalam menghasilkan bahan digital dan memupuk semangat bantu-membantu dalam komuniti dan masyarakat amnya

## **SUMBER KEWANGAN**


Peruntukan menggunakan sumbangan staf JMSK




Ucapan Aluan  
daripada Pn Rohani  
Bt Abu Bakar  
Pengetua SMK  
Sulaiman (Sekolah  
Kluster  
Kecemerlangan)




Ucapan Aluan  
daripada  
Pengarah PSAS,  
En Muhammad  
Zubir Bin Mohd.  
Hanifah



Ucapan  
perasmian oleh  
En. Ahmad Zaki  
Bin Hussain, AMP  
(Timbalan Pegawai  
Pendidikan  
Daerah Bentong,  
Pahang



Sesi bergambar bersama-sama setelah tamat upacara perasmian



Live Streaming  
(Youtube)



Sebahagian gambar AJK pelaksana yang terlibat dalam Program Corporate Social Responsibility (CSR) Perkongsian Ilmu : OBS studio



7

2 OKTOBER 2021

## **PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (OUTREACH)**

### **PROGRAM OUTREACH PENGGUNAAN 'GOOGLE FORM' DALAM PDPR DI SEK. MEN. KEB. KHAI MUN, BENTONG PAHANG.**

Shah Erawati Binti Mokhtar  
Jabatan Kejuruteraan Elektrik  
Shah\_erawati@psas.edu.my

## **PENGISIAN PROGRAM :**

Program Outreach Penggunaan ‘Google Form’ dalam PDPR diadakan dengan kerjasama para pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik Bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Khai Mun, Bentong Pahang. Program diadakan pada 2 Oktober 2021 secara atas talian dengan melibatkan 5 orang pensyarah Jabatan Kejuruteaan Elektrik, 5 orang pelajar DEP Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan terdiri daripada 19 peserta iaitu guru di sekolah terbabit. Menerusi program ini, kepakaran tenaga pengajar di Politeknik Sultan Azlan Shah dalam aplikasi ‘Google Form’ dapat disalurkan kepada para guru di sekolah Menengah Kebangsaan Khai Mun, Bentong Pahang dalam meneruskan pdp secara atas talian. Diharap dengan sedikit perkongsian ilmu ini, pihak institusi dapat menyumbang bakti kepada masyarakat dan generasi baru secara amnya.

## **OBJEKTIF**

- i. Memperkenalkan penggunaan ‘Google Form’ sebagai platform pengajaran PDPR secara atas talian kepada guru-guru sekolah.
- ii. Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan guru-guru berkaitan aplikasi ‘Google Form’ dalam membina soalan objektif dan subjektif.
- iii. Membantu guru-guru dalam membuat soalan latihan dan perkongsian bentuk soalan dalam ‘Google Form’.

## **KESIMPULAN**

Program Outreach Penggunaan ‘Google Form’ dalam PDPR memberikan pengisian pengenalan penggunaan ‘Google Form’ sebagai platform pengajaran PDPR secara atas talian kepada guru-guru sekolah. Program ini juga bertujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan para guru tentang aplikasi ‘Google Form’ sebagai salah satu medium untuk membina soalan objektif dan subjektif. Selain itu, peserta juga diberi peluang untuk membina soalan menerusi platform ‘Google Form’ dan berkongsi soalan yang dibuat menggunakan perisian ini bagi menilai tahap kefahaman pengajaran dan penguasaan medium ini secara atas talian.

Secara kesimpulannya, program ini telah berjaya mendedahkan para guru berkaitan kelebihan dan keistimewaan aplikasi ‘Google Form’ dalam mengukur penguasaan matapelajaran anak murid secara atas talian. Dengan penggunaan Google Form ini markah dan pencapaian murid dapat dijana dengan lebih cepat, mudah dan tepat. Terdapat variasi soalan boleh dibina dan latar belakang yang menarik dalam aplikasi ‘Google Form’ dan ini boleh memupuk minat murid dalam menjawab soalan.

## **SUMBER KEWANGAN**

Tiada peruntukan yang digunakan.




Guru-guru dari Sek. Men. Keb. Khai Mun, Bentong, Pahang, yang terlibat dalam Program Outreach Penggunaan 'Google Form' dalam PDPR mendengar perkongsian, pembelajaran yang disampaikan oleh Penceramah Politeknik Sultan Azlan Shah.



Banner Program Outreach 'Google Form' dalam PDPR ('Bengkel 'Exploring Google Forms') daripada pihak Sek. Men. Keb. Khai Mun, Bentong, Pahang.



Serahan Cenderahati daripada pihak Sek. Men. Keb. Khai Mun, Bentong, Pahang kepada Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Pn. Nor Faizah Bt Md. Sayuti.



8

16 OKTOBER 2021

# PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (OUTREACH) PERKONGSIAN ILMU : ASAS ANTARA MUKA PERISIAN MAKECODE-MICRO: BIT

Ifaniza binti Ibrahim  
Jabatan Matematik, Sains dan Komputer  
[m.adha@psas.edu.my](mailto:m.adha@psas.edu.my)

## **PENGISIAN PROGRAM :**

Program Outreach Perkongsian Ilmu: Asas Antara Muka Perisian Makecode-Micro:Bit telah diadakan secara atas talian menggunakan platform MsTeam. Perkongsian Ilmu ini diadakan bersama dengan para pelajar Sek Menengah Khir Johari, Tanjung Malim. Program ini dilaksanakan pada 16 Oktober 2021 melibatkan 21 orang pelajar Sek Menengah Khir Johari, Tanjung Malim. Menerusi program ini, kepakaran tenaga pengajar di Politeknik Sultan Azlan Shah dapat diaplikasikan menerusi perkongsian ilmu berkaitan dengan Micro:Bit.

## **OBJEKTIF**

- i. Memperkenalkan dan menyebarluaskan Centre of Technology (CoT) STEM JMSK, PSAS kepada komuniti setempat/luar.
- ii. Memberi pendedahan dan Latihan asas kepada Micri:Bit
- iii. Membangunkan aturcara sendiri berdasarkan contoh-contoh Projek

## **KESIMPULAN**


Secara kesimpulannya, Program Perkongsian Ilmu: Asas Antara Muka Perisian Makecode-Micro:Bit dapat dilaksanakan dengan jayanya bersama para pelajar Sek Menengah Khir Johari, Tanjung Malim. Program ini dapat memberi manfaat kepada para pelajar terutamanya menerusi matapelajaran Rekabentuk Teknologi (RBT) yang perlu membangunkan coding Micro:Bit. Di samping itu, dengan adanya program ini sedikit sebanyak dapat menarik minat para pelajar berkaitan dengan teknologi dan meningkatkan keyakinan dan potensi diri dimana mereka boleh mencuba sesuatu yang diluar pembelajaran yang diajar di sekolah terutamanya menerusi bidang teknikal ini.

## **SUMBER KEWANGAN**


Tiada peruntukan yang digunakan.



Majlis pembukaan  
untuk Program  
Micro:Bit



Penceramah  
menunjukkan  
kaedah membina  
coding bagi Micro:  
Bit



Para pelajar  
membangunkan  
coding Micro: Bit



9

22 DISEMBER 2021

# MISI BANTUAN BANJIR SEKITAR SHAH ALAM

Muhamad Adha Bin Shamdin @ Shamsuddin  
Jabatan Matematik, Sains dan Komputer  
[m.adha@psas.edu.my](mailto:m.adha@psas.edu.my)

## **PENGISIAN PROGRAM :**

Tanggungjawab dalam pembangunan modal insan harus dilihat sebagai satu gerakan yang harus dimainkan oleh semua pihak terutamanya penglibatan secara menyeluruh oleh mahasiswa dan pihak pengurusan institusi. Semua tenaga perlu digembelingkan secara bersepada dan disatukan bagi mencapai pembangunan modal insan. Bagi mencapai hasrat dan wawasan ini, mahasiswa perlu diberi pendidikan, pendedahan dan pengetahuan awal bagi menyedarkan mereka mengenai tanggungjawab dan peranan sosial yang harus dimainkan oleh semua pihak bagi menjamin satu bentuk masyarakat unggul yang boleh mendokong wadah dan perjuangan bangsa di masa akan datang. Program Misi Bantuan Banjir Sekitar Shah Alam merupakan satu platform penglibatan pelajar untuk bersama-sama masyarakat sekitar dalam membudayakan budaya sihat. Melalui program ini pelajar akan membantu pihak penduduk di sekitar Apartment Jaya, Taman TTDI Shah Alam bagi membersihkan rumah dan membuang barang-barang yang rosak.

## **OBJEKTIF**

- i. Menyemai nilai murni dalam pembabitan aktiviti outreach bersama komuniti luar.
- ii. Mengasah sifat kepimpinan dalam mengendalikan sesbuah program.
- iii. Memupuk semangat kerjasama sesama pelajar.

## **KESIMPULAN**

Misi Bantuan Banjir sekitar Shah Alam telah berjaya dilaksanakan. Seramai 25 pelajar dan 10 orang staf telah turun padang membantu penduduk di sekitar Apartment Jaya, Taman TTDI Shah Alam bagi membersihkan rumah dan membuang barang-barang yang rosak. Program ini telah memberi nilai tambah kepada pelajar dalam menyemai nilai-nilai murni iaitu saling bantu membantu tanpa mengira bangsa dan agama. Banjir kali ini memberi kesan pada penduduk aras bawah apartment ini. Jelas ternampak dari wajah mereka sedih dan keletihan disebabkan musibah ini. Namun begitu mereka semua tabah dengan ujian yang dihadapi. Antara aktiviti yang dilakukan ialah membersihkan rumah dan membuang kebanyakan pekakas rumah dan perabot yang rosak. Semangat kepimpinan para pelajar juga turut menyerlah apabila mampu mengatur aktiviti dengan lancar walaupun dipecah beberapa kumpulan mengikut blok appartment. Jika dilihat dari keadaan para pelajar nampak ceria dan bangga kerana mampu menyumbang tenaga membantu mangsa banjir walaupun seharian mengembeling tenaga bekerjasama bersama penduduk membersihkan kediaman dan kawasan appartment tersebut. Rata-rata penduduk berpuas hati dan amat berterima kasih kepada pelajar PSAS kerana sudi membantu meringankan beban mereka.

## **SUMBER KEWANGAN**

Tiada peruntukan yang digunakan.



Sukarelawan YES!  
bergambar bersama  
Pengarah PSAS  
sebelum bertolak



Sampah dan  
perabot yang  
rosak dikumpul  
disuatu tempat  
sebelum dibuang



Pelajar bersama-  
sama penduduk  
membersihkan  
rumah